

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN NO. 6**

**TUAN CHONG ZHEMIN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan masih berhasrat untuk meneruskan usaha untuk mencari pesawat MH370.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 20**

**TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [ MERBOK ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini mengenai kertas cadangan syarikat robotik marin Ocean Infinity bagi memulakan semula pencarian pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH370 yang telah hilang semenjak tahun 2014 yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kampar bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Merbok bertarikh 11 November 2024 kerana pertanyaan adalah mengenai isu yang sama.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, aspirasi Kerajaan untuk mencari bangkai pesawat MH370 tidak akan diabaikan. Sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan oleh Kerajaan. Ini merupakan pendirian yang konsisten oleh Kerajaan Malaysia.
3. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang merundingi tawaran daripada syarikat Ocean Infinity (United Kingdom) yang dikemukakan kepada MOT pada bulan Jun 2024 untuk meneruskan operasi pencarian dasar laut bagi mengesan bangkai pesawat MH370 di satu lokasi baharu yang dianggarkan seluas 15,000 kilometer persegi di Selatan Lautan Hindi berdasarkan prinsip “*no find, no fee*”. Mengikut prinsip “*no find, no fee*”, Kerajaan Malaysia tidak perlu mengeluarkan sebarang bayaran kepada syarikat ini sekiranya tiada sebarang bangkai pesawat yang ditemui.
4. Lokasi kawasan pencarian baharu yang dicadangkan oleh syarikat Ocean Infinity adalah berasaskan kepada maklumat serta analisis data terkini yang telah dibuat oleh pakar-pakar dan penyelidik yang dirujuk oleh syarikat tersebut. Cadangan operasi pencarian oleh Ocean Infinity ialah cadangan yang kukuh (*credible*) dan **boleh dipertimbangkan** oleh Kerajaan Malaysia selaku negara pendaftaran pesawat MH370.

Sekian, terima kasih.